

PM bincang
dengan
Pak Lah
sebelum

lantik ahli MT
UM 30 MAY 2001

KUALA LUMPUR 29 Mei
— Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan berbincang dengan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum memutuskan pelantikan 10 ahli Majlis Tertinggi (MT) parti itu.

Perdana Menteri berkata, beliau belum lagi membuat keputusan mengenai kerana timbalannya itu kini berada di luar negara.

“Saya fikir patut berbincang dengan beliau terlebih dahulu,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Minyak dan Gas Asia 2000 di sini hari ini.

Dr. Mahathir sebagai Presiden parti, mempunyai kuasa melantik 10 ahli MT sebagai tambahan kepada 25 ahli yang dipilih oleh perwakilan semasa Perhimpunan Agung UMNO Ke-54, pada 11 Mei lalu.

Mesyuarat pertama MT selepas pemilihan itu akan diadakan pada 6 Jun ini.